

SELAMATKANLAH BAHASA KITA

Bahasa Melayu sekarang sedang menempuh perubahan dan perkembangan tetapi dihadapannya berdiri berbagai-bagai rintangan dan halangan, yang kiranya tidak dielakkan dan dihindarkan nescaya akan menyebabkan perubahan tersebut bantut dan perkembangan itu layu atau dengan lebih terang dan jelas lagi akan menjadikan bahasa Melayu itu bahasa pasar dan tengah jalan hanya bergurun untuk membeli sayur dan cabai rempah.

=oleh Anak Melayu=

Orang-orang yang menaruh sempena baik atas masa depan bagi bahasa Melayu, tentu mereka tidak bersetuju dengan pendapat saya yang di atas itu. Orang itu akan berkata bahawa bahasa Melayu ada harapan besar akan kembang di negeri ini dan maju kerana :

(1) Bahasa itu diajarkan dalam sekolah-sekolah kebangsaan dan sekolah-sekolah kaum yang mendapat bantuan kerajaan.

(2) Badan-badan bahasa dan persuratan sedang tumbuh di sana sini di seluruh Malaya.

(3) Kerusi bahasa Melayu sudah diadakan dalam Universiti Malaya.

Alasan-alasan tersebut kalau dipandang sekali imbas memang ada betulnya, tetapi kalau dikaji lebih dalam dan diperiksa lebih jauh lagi maka akan nampaklah bahawa alasan-alasan itu tak lebih kuat daripada benang labah-labah yang akan putus bila disentuh, apalagi hendak digunakan sebagai tali untuk kita berpaut. Pada pendapat saya alasan-alasan itu tak jauh beza dari angan-angan Mat Jenin yang masyhur itu.

Mari kita bersama-sama periksa alasan-alasan itu satu persatu.

(1) Mengajarkan bahasa Melayu dalam sekolah kebangsaan dan sekolah-sekolah kaum yang tertentu oleh kerajaan bagaimana yang dirancangan pendiriannya itu tidak memberi harapan

yang bahasa Melayu itu akan hidup maju dan kembang.

mari kita bandingkan bahasa Melayu dengan bahasa Perancis

yang diajarkan dalam sekolah-sekolah kebangsaan Mesir, tetapi kita

mesti ingat perbandingan itu hanya sekadar untuk mendekatkan

makna dan bukanlah perbandingan yang tepat sekali kerana

keadaan bahasa Perancis itu bukanlah seperti keadaan

bahasa Melayu. Adakah bahasa Perancis itu telah menjadi

suatu bahasa yang kembang dan maju di Mesir kerana

diajarkan di dalam sekolah-sekolahnya? Tidak, ia hanya menjadi

suatu bahasa yang diketahui dan difaham oleh orang-orang Mesir.

kalau bahasa Perancis itu sendiri tidak maju dan

kembang maka ia akan kekal begitu tidak berubah keadaanya

dan tidak akan maju atau kembang. Demikian juga halnya

bahasa Inggeris yang diajarkan dalam sekolah-sekolah kebangsaan

Mesir.

Pendek kata adalah dengan kadar mengajarkan sesuatu bahasa dalam sekolah sebagai suatu pelajaran tidak akan menjadikan bahasa itu kembang dan maju. Maka rancangan mengajar bahasa Melayu bagaimana yang disebutkan itu tidak bererti apa-apa dalam kemajuan dan perkembangan bahasa Melayu lebih daripada hendak menjadikan orang-orang yang bukan Melayu dan tidak fahamkan bahasa Melayu itu mengerti dan mengetahuinya. Pengetahuan orang-orang ini akan bahasa Melayu tidak akan menjadikannya kembang dan maju. Demikian juga kalau orang-orang itu tidak tahu bahasa Melayu maka kejahilan mereka itu tidak akan

menyebabkan kemundurannya. Hal ini terang benar kerana misalnya kita orang-orang Melayu mengetahui bahasa Inggeris dan faham kan dia atau pun tak mengetahuinya maka yang demikian itu tidak akan memajukan atau memundurkan bahasa Inggeris itu. Dengan kenyataan ini, runtuhlah alasan yang pertama, sebagai suatu harapan baik bagi bahasa Melayu pada masa depan.

(2) Berkenaan dengan badan-badan bahasa dan peraturan yang tumbuh di sana sini itu, maka saya percaya bahawa badan-badan itu adalah menjadi sebesar-besar harapan bagi kemajuan dan perkembangan bahasa Melayu, tetapi kiranya polisi pelajaran dan pentadbiran negeri ini menanggapi bahasa Melayu bahasa yang kedua, maka usaha badan-badan tersebut akan menjadi hampas layang jua. Apakah faedah dan gunanya badan-badan bahasa itu menggubal dan mengadakan perkataan-perkataan baharu yang tidak ada dalam bahasa Melayu, kalau bahasa Melayu itu tidak dipakai sebagai bahasa perantaraan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan kepada orang ramai? Apakah faedahnya badan-badan persuratan itu, kalau buah kalam ahli-ahlinya dalam berbagai-bagai-bagai lapangan ilmu pengetahuan dan persuratan tidak dibukakan pintu baginya menebuk masuk ke sekolah-sekolah kebangsaan itu?

(3) Kerusi bahasa Melayu dalam Universiti Malaya, tiada akan memberi kesan melainkan sedikit jua dalam kemajuan dan perkembangan bahasa. Masalah mengadakan kerusi ini bukan suatu perkara yang besar maknanya kepada bahasa Melayu yang menjadi bahasa bumiputera dan anak negeri ini, kerana bahasa-bahasa yang sudah mati pun seperti bahasa Greek ada kerusinya dan ada diajarkan dalam universiti.

Pada amnya adalah alasan-alasan yang tersebut itu pada pandangan saya, tiada akan membawa Melayu ke tempatnya yang masih sebagai bahasa suatu bangsa dan umat yang berdaulat dan berketurunan. Selagi dasar pelajaran dan dasar pemerintahan negeri ini tidak diubah dan ditukar supaya

mengutamakan bahasa Melayu, maka tidak ada harapan bagi bahasa Melayu akan maju dan kembang dalam negeri ini.

Banyak orang menyangka bahawa bahasa Melayu itu rasmi di sisi bahasa Inggeris, tetapi yang sebenarnya bahasa Melayu dalam *Federal* hanyalah boleh dan dibenarkan digunakan dalam percakapan dalam Majlis Undangan Persekutuan, itu pun hendaklah dengan kebenaran pengerusi, tetapi undang-undang dan segala perkara yang hendak dicetak atau ditulis mestilah dicetak atau ditulis dalam bahasa Inggeris. Dari manakah datangnya pendapat yang mengatakan bahasa Melayu itu bahasa rasmi di samping bahasa Inggeris dalam *federal*?

Dasar pelajaran dalam persekutuan menurut rancangan sekolah kebangsaan itu hanya menjadikan bahasa Melayu itu sebagai suatu pelajaran, bukan sebagai bahasa mengajar Ilmu pengetahuan yang hendak diajarkan kepada penuntut-penuntut. Demikian juga syarat-syarat bekerja dalam pejabat-pejabat kerajaan disyaratkan kelulusan darjah sembilan sekolah Inggeris. Dengan adanya syarat-syarat dan cara-cara ini maka bilakah bahasa Melayu akan menjadi maju dan kembang dalam lubuknya sendiri? Kalau tak salah ingatan saya bahawa dalam negeri Johor, menurut skim penghulu baharu, maka disyaratkan orang-orang yang bakal menjadi penghulu itu mempunyai kelulusan darjah 7 sekolah Inggeris. Ini satu sistem yang akan mendorong orang Melayu tak mahu belajar bahasanya dan tak mahu membuang masa di sekolah Melayu, kerana kalau sudah sekadar tak menjadi penghulu pun mesti lulus Inggeris apa guna lagi belajar Melayu yang tidak melayakkan seseorang itu memegang hati jawatan yang perhubungannya bukan dengan penasihat British (B. A) dan bukan pula undang-undang (L.A). Siapa pun tidak akan mengerti apa sebab sistem baharu itu diadakan di Johor. Adakah Johor agaknya hendak memberi contoh bagaimana sesebuah negeri Melayu itu hendak dijadikan kubur bahasa Melayu? Adakah Johor yang dahulu terkenal menjadi pusat bahasa Melayu yang bertaraf dan bermutu, hendak menjadi pula

pusat bahasa Inggeris?

Saya percaya bahawa menurut syarat-syarat bekerja dalam pejabat-pejabat kerajaan bagaimana yang ada sekarang tidak ada orang yang menghantar anaknya ke sekolah-sekolah Melayu, tetapi oleh kerana sekolah-sekolah Inggeris tak cukup, terpaksa lah ibu bapa kanak-kanak itu menghantar anak-anaknya ke sekolah Melayu supaya jangan sampai kanak-kanak itu duduk bermain-main dan habis masa percuma. Lagi pula siapakah yang nak menghantarkan anaknya ke sekolah Melayu pada hal lepas lulus dari situ, tidak boleh dapat kerja dan kalau hendak mencari kepandaian. Dia tidak dapat ilmu pengetahuan dalam bahasa Itu. Macam mana boleh ada ilmu pengetahuan dalam bahasa Melayu pada hal bahasa itu tidak digunakan sebagai bahasa mengajar ilmu dalam sekolah-sekolah?

Pihak Inggeris hendaklah menaruh timbang rasa atas bahasa Melayu itu, kerana sudahlah orang Melayu terkebawah dalam iktisad dan kuasa siasah, maka janganlah hati dalam bahasanya pun hendak dikebawahkan juga!

Orang-orang Melayu hendaklah sedar bahawa memadailah bagi mereka terkena penjajahan siasah dan iktisad dan jangan sampai terjajah pula kebudayaannya!

Hamba-hamba selamatkanlah bahasa kamu!

Orang-orang Melayu janganlah terkinja-kinja kesukaan melihatkan kerusi bahasa Melayu sudah diadakan di Universiti Malaya! Orang-orang Melayu hendaklah ingat bahawa mengajarkan bahasa Melayu dalam sekolah kebangsaan dan sekolah-sekolah kaum yang tertentu oleh kerajaan bukanlah satu alasan ihsan yang dikurniakan kepada kita, malahan itu adalah kewajipan kerajaan membuatnya dan itu pun belum juga memadai bahkan itu baharu sekurang-kurangnya tanggungjawab yang wajib disempurnakan oleh kerajaan terhadap bahasa asal negeri ini.

Kita patut mengingatkan kerajaan bahawa dasar pelajaran yang menjadikan bahasa Melayu itu bahasa kedua dalam

sekolah kebangsaan hendaklah diadkan masanya selama beberapa tahun sahaja, iaitu sementara menunggu buku-buku ilmu pengetahuan diterjemahkan ke bahasa Melayu dan diajarkan kepada kanak-kanak itu.

Saya percaya bahawa taraf sekolah-sekolah Melayu sudah boleh dinaikkan ke taraf *school certificate* dan mana-mana pelajaran yang belum ada bukunya dalam bahasa Inggeris dan dengan perlahan-lahan dan dari selangkah ke selangkah diterjemahkan buku-buku itu ke dalam bahasa Melayu.

Inilah jalan dan cara hendak menghidupkan bahasa Melayu, dan lain daripada ini hanyalah berupa ibarat tikus membaiki labu!

Hubaya-hubaya selamatkanlah bahasa kamu!!!

RENUNGLAH!!!

Bangsa-bangsa yang berpengetahuan dan bulat pejal, adalah mengutamakan kekuatan ilmu pengetahuan daripada kekuatan senjata bagi memerangi umat-umat yang jahil dan berpecahlah. Mereka akan diperkosa, ditekan, dan ditindas agama, bahasa dan adat istiadatnya yang menjadi cogan kebudayaannya sehingga berkunjung perdirianya yang kukuh dan sedikit demi sedikit hilanglah kepercayaan kepada segala perkara yang menjadi haknya dan memandang hak orang lain itulah yang lebih baik. Dengan tekanan-tekanan yang demikian maka bangsa itu akan bertambah lemah dan bertambah penyakitnya yang berakhir akan hilang lenyap ditelan oleh musuhnya, baik dengan dijajah dan dirampas kemerdekaannya, atau pun dengan ditenggelam dan dicelupkan dengan kebudayaan asing!

Rashid Redha